


siri kertas kerja kebudayaan

Adat Perpatih Melayu-Campa

Kuliah Budaya 1992
Sempena Ulang Tahun Ke Lima EFEO di Malaysia



Kementerian
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

KOLEKSI KERTAS KERJA KULIAH BUDAYA 1992

Adat Perpatih Melayu-Campa

disusun oleh

Dato' Tengku Alaudin Majid
dan
Po Dharma

Kuala Lumpur 1994

SIRI KERTAS KERJA KEBUDAYAAN

Adat Perpatih Melayu-Campa

**DARI KOLEKSI
KULIAH BUDAYA 1992**

Sempena Ulang Tahun Ke Lima EFEO di Malaysia

Terbitan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan Malaysia

Pusat Penyelidikan Timur Jauh
Perancis (EFEO) di Malaysia,

Dengan Kerjasama
Kedutaan Besar Perancis di Malaysia

Kuala Lumpur 1994

Cetakan Pertama 1994

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Aras 21, 34-36, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 50694 Kuala Lumpur, Malaysia.
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kuliah Budaya (1992 : Kuala Lumpur)

Adat Perpatih Melayu-Campa : koleksi kertas kerja Kuliah Budaya 1992 / disusun oleh Dato' Tengku Alaudin Majid dan Po Dharma

(Siri kertas kerja kebudayaan)

ISBN 967-903-007-5

1. Malays--Cambodia--Social life and customs. 2. Cham (Southeast Asian people)--Cambodia--Social life and customs. 3. Adat law--Indochina. 4. Adat law--Negeri Sembilan. I. Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, Dato'. II. Po Dharma. III Malaysia. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. IV. Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis. V. Judul. VI. Siri.
305.89593

Diatur huruf oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Muka Taip Teks : Bookman

Saiz Taip Teks : 10/12 poin

KANDUNGAN

Pengenalan	xi
KATA ALUAN DAN UCAPAN	1
- KATA-KATA ALUAN Y.B. Dato' Sabbaruddin Chik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia	3
- KATA-KATA ALUAN, Encik Frédéric GRASSET Duta Perancis di Malaysia	5
- UCAPAN PERASMIAN Y. Bhg. Encik Khalid Haji Ismail, Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia	9
- UCAPAN ALUAN Y.M. Dato' Tengku Alaudin Majid Setiausaha Bahagian Kebudayaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia	15
- UCAPAN ALUAN Prof. L. Vandermeersch Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO)	19
UCAPAN DASAR	31
- PENGAJIAN DUNIA MELAYU DI MALAYSIA - MENJELANG ABAD KE 21 oleh Prof. Datuk Ismail Hussein, Pengarah IBKKM, UKM	33
- PUSAT PENYELIDIKAN TIMUR JAUH PERANCIS: DAHULU, KINI DAN MASA HADAPAN oleh Prof. L. Vandermeersch, Ketua Pengarah EFEO	45
KERTAS KERJA	61
- AN OVERVIEW OF THE MATRILINEAL SOCIETY OF CHAMPA WITH PARTICULAR EMPHASIS ON THE MATRILINEAL CUSTOMS OF CHAM PEOPLES by Man Thi Jones, OIC - CAMPA, USA	63
- WANITA DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN oleh Prof. Azizah Kassim, Universiti Malaya	73
- HUKUM PERKAHWINAN DALAM ADAT PERPATIH DI CAMPA oleh Dr. Po Dharma, EFEO di Kuala Lumpur	87
- SOME PRELIMINARY REMARKS ON THE ROLE AND STATUS OF WOMEN IN THE MATRILINEAL SOCIETIES OF CHAMPA AND NEGERI SEMBILAN by Prof. Sharifah Zaleha Hassan, Universiti Kebangsaan Malaysia	115
PERISTIWA BERGAMBAR	127

PENGENALAN

Kuliah Budaya merupakan salah satu usaha Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia menjalankan pengumpulan, penyelidikan dan pendokumentasian bahan berhubung dengan kebudayaan dan kesenian Melayu. Kertas-kertas kerja yang disampaikan untuk siri ceramah tersebut akan diterbitkan kembali dalam bentuk buku atau risalah dan diedarkan kepada masyarakat sebagai langkah memberi penerangan dan kefahaman mengenai kebudayaan dan kesenian ke arah kecekapan budaya.

Aktiviti ini akan dilaksanakan dengan melibatkan sarjana-sarjana, budayawan-budayawan dan orang-orang perseorangan yang memainkan peranan penting dan aktif dalam bidang kebudayaan dan pengajian Tamadun Melayu. Di samping itu, penganjur bersama dari lain-lain agensi dan institusi-institusi sangat digalakkan.

Sebagai realisasi perjanjian kerjasama antara Malaysia dan Perancis dalam bidang penyelidikan sains dan kebudayaan sejak tahun 1972, Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO) di Malaysia telah ditubuhkan pada 16 Oktober 1987 dan ditempatkan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kelahiran Pusat Penyelidikan tersebut di Kuala Lumpur adalah merupakan salah satu usaha mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara kedua buah negara dalam bidang penyelidikan tamadun Melayu yang amat tinggi nilainya dan sebagai satu khazanah milik bersama umat manusia.

Sempena memperingati lima tahun penubuhan Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis di Malaysia, satu Kuliah Budaya tentang *Adat Perpatih Melayu-Campa* telah diadakan pada 18 Julai 1992 oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO) dengan kerjasama Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.

Tujuan mengadakan Kuliah Budaya ini adalah untuk meninjau dan mengkaji perkembangan mutakhir mengenai adat istiadat Campa yang amat erat hubungannya dengan adat resam Melayu di Alam Melayu; memaparkan lintasan sejarah dan budaya Melayu di Indochina, khususnya di Campa (Vietnam) dalam zaman pra Islam dan Islam; memperkayakan pengumpulan bahan-bahan penyelidikan dan penerbitan ilmiah mengenai Tamadun dan Kebudayaan Melayu-Campa; menerus dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penyelarasan dan pertukaran maklumat mengenai pengajian Tamadun dan Kebudayaan Melayu-Campa.

Adat Perpatih adalah berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatera. Mengikut prinsip keturunan adat Perpatih, asal usul suku dikira melalui wanita atau nasab sebelah ibu (*matrilineal*). Oleh itu, Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada prinsip asas bahawa sesuatu suku itu, merupakan unit *matrilineal*, *exogamous* dan *monogamous*.

Di Tanah Melayu, terdapat dua bentuk adat yang diamalkan iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Adat Perpatih telah lama bertapak di Negeri Sembilan dan daerah Naning di Melaka, iaitu sekitar abad ke 16. Secara formal terdapat 12 suku yang masih kekal hingga sekarang. Setiap suku mempunyai namanya sendiri antaranya

Biduanda, Batu Hampar, Seri Melenggang, Tanah Datar, Mungka, Seri Lemak, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paiah Kumbuh, Anak Melaka, Anak Aceh dan Batu Belang.

Sehingga hari ini, Adat Perpatih juga masih terdapat di Indochina dan diamalkan oleh orang-orang Campa yang berbahasa Austronesia dan berbudaya Melayu. Walaupun begitu, Adat Perpatih yang diamalkan disini agak berbeza dari sistem yang diamalkan di Tanah Melayu dan Sumatera. Kuliah Budaya 1992 telah membincangkan secara terperinci mengenai Adat Perpatih di Indochina dan Tanah Melayu serta hubungkaitnya dari perspektif sejarah dan sosio-budaya.

Koleksi Kertas Kerja Kuliah Budaya 1992 ini mungkin tidak dapat disempurnakan tanpa kerjasama daripada Encik Othman Ahmad, Puan Zaiton Md. Desa, Encik Ayop Ibrahim dan Encik Laliman Ahmad (Cawangan Pemuliharaan, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan), Encik Mohamad Hidayatullah Al-Ahmadi (Juru Komputer, EFEO) dan Mohamad Zain Mousa (Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Encik P. Mallet, Kaunselor Kebudayaan, Duta Besar Perancis di Malaysia yang telah memberi sumbangan untuk melaksanakan projek tersebut.

Kepada mereka semua, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

UCAPAN DASAR

**PENGAJIAN DUNIA MELAYU
DI MALAYSIA - MENJELANG ABAD KE 21**

Oleh

Prof. Datuk Ismail Hussein

Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan
dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada EFEO-Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis di Malaysia kerana kesempatan untuk memberikan Ucapan Dasar di sini. Saya ucapkan tahniah kepada EFEO-Malaysia atas ulangtahunnya yang ke-5 di Malaysia, khasnya kepada pemimpinnya Dr. Po Dharma atas kejayaan yang cukup berkesan yang dicapai dalam masa yang relatif singkat. Di samping itu, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ibu Pejabat EFEO di Paris, khasnya kepada Ketua Pengarahnya Prof. Dr. Leon Vandermeersch yang ada bersama kita di sini, atas inisiatif dalam membina cabangnya di Malaysia, terutama sekali sumbangan yang amat besar yang diberikan oleh EFEO kepada Institut kami, IBKKM, dalam mengembangkan pengetahuan tentang gejala Melayu-Polinesia di Semenanjung Indocina. Saya akan gunakan sekitar 30 minit yang diberikan ini untuk membuat sedikit renungan tentang pengajian Dunia Melayu - sebahagian bahannya memang telah saya ucapkan kepada kelompok kecil akademik yang lain dan renungan ini baiklah kita letakkan dalam konteks era baru yang sedang kita alami, khasnya di Malaysia ini.

Masuk ke dalam dekad 90-an, Malaysia menonjol dengan cukup ketara dalam peta politik dan ekonomi antarabangsa, berkat pimpinan yang dinamik daripada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dengan gagasan wawasan 2020 yang diucapkan oleh Perdana Menteri Malaysia itu, negara dengan gagah dan berani melontarkan dirinya ke dalam gelombang perkembangan dunia global yang bebas dan padat dengan saingan. Apabila gagasan besar itu mula dikemukakan, buat seketika masyarakat budaya terputus kata-kata, kerana disangkanya pertimbangan kebudayaan kebangsaan dan keperibadian kebangsaan sudah luput dari ingatan pimpinan. Tetapi seperti terlihat kemudiannya hal itu tidaklah benar, malah dimensi kebudayaan kini sedang mengembang dengan cukup menarik.

Agak menarik juga yang di dalam proses globalisasi yang melanda dunia sekarang, masalah hubungan kaum menjadi semakin ketara, iaitu kecenderungan rumpun-rumpun kaum yang sama untuk bersatu semula, dalam mempertahankan diri serta keperibadian di dalam dunia yang sedang kehilangan keperibadian. Di wilayah kita pula, abad Ke-21 selalu diistilahkan sebagai Era Asia-Pasifik - dan Asia-Pasifik itu jelas dihuni oleh dua rumpun bangsa dan kebudayaan yang amat besar, Rumpun Cina-Jepun di utara dan Rumpun Melayu-Polinesia di selatan. Di dalam cita-cita Asia Pasifik yang sedang menjelang tiba itu, tersirat keperluan yang rumpun-rumpun bangsa itu mengeratkan persefahaman serta kerjasama, dan dalam melakukan itu tentulah tiada unsur lain yang lebih kuat daripada kesatuan akar dan sejarah.

Demikianlah minat kita kepada masalah Pengajian Melayu, atau lebih luas lagi pengajian Melayu-Polinesia. Di dalam hal ini, kita

memang terpaksa bergelut dengan istilah 'Melayu', dan saya akan gunakan kesempatan ini untuk membincangkan masalah itu. Istilah 'Melayu' cukuplah luas digunakan di Malaysia di kalangan masyarakat akademik dalam tempoh empat dekad yang lalu, tetapi ertinya masih agak kabur, diselubungi oleh pelbagai maksud yang sengaja tidak didefinisikan secara tegas. Ini terutamanya apabila istilah itu digunakan dalam ertinya yang luas, terkeluar daripada pengertian 'sukubangsa Melayu', misalnya di dalam ungkapan 'alam Melayu', 'dunia Melayu', 'rumpun Melayu', 'pengajian Melayu' dan 'Tamaddun Melayu'. Masalahnya, istilah 'Melayu' dalam ertinya yang luas itu sudah kurang atau tidak lagi digunakan di kalangan masyarakat akademik antarabangsa. Kurangnya penggunaan yang seperti itu, bukanlah kerana istilahnya tidak memuaskan - tetapi juga lantaran perhatian yang global terhadap sejarah kebudayaan Melayu sudah berkurangan. Pembinaan negara-negara kebangsaan yang baru serta juga perkembangan ilmu-ilmu pengetahuan moden, semuanya mengakibatkan penyempitan sorotan kepada masalah-masalah yang terbatas serta juga yang kecil dan terperinci.

Agak menarik yang di dalam arus yang demikian itu, Malaysia tetap mempertahankan sikap yang supernasional terhadap sejarah kebudayaan Melayu, seperti yang terbukti di dalam pembentukan Jabatan Pengajian Melayu pada tahun 1953 yang berterusan hingga kini. Malah pengajian yang seperti itu diperkembangkan lagi melalui Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Akademi Melayu yang baru dibentuk di Universiti Malaya.

Memang ada keperluan politik serta psikologis yang kuat bagi mempertahankan minat yang seperti itu, tetapi di samping itu ada pula sebab yang memikat, yakni rasa tanggungjawab yang mendalam dari kalangan cendekiawan Malaysia yang mereka adalah pewaris yang langsung dari tradisi Melayu itu. Sebahagian penting dari bumi Malaysia masih mempertahankan nama 'Tanah Melayu' - dan Tanah Melayu itu pula terletak di antara Dunia Melayu benua yang kuno yang sudah luput di utara dengan dunia Melayu kepulauan yang sedang berkembang segar di selatan. Minat terhadap sejarah dan tradisi Melayu itu diperkuatkan lagi oleh kelas menengah yang sedang mengembang. Menyentuh sejarah penggunaan istilah 'Melayu', penggunaan istilah 'Melayu' dalam ertinya yang luas yang merangkumi sukubangsa serumpun di Nusantara bermula dari sejak awal abad ke 17 - ini dipelopori oleh para pengkaji Sepanyol yang meneliti sejarah masyarakat Filipina. Di dalam kajian itu pelbagai sukubangsa pribumi di Filipina dilihat sebagai keturunan daripada 'Rumpun Melayu'. Agak ketara yang istilah 'Melayu' pada abad ke 17 dan 18 itu menjadi amat terkenal kepada orang-orang Barat lantaran peranan yang dimainkan oleh bahasa dan sukubangsa Melayu di dalam penghidupan perdagangan dan kebudayaan di Nusantara. Dan pada akhir abad ke 18 apabila disedari yang bahasa-bahasa di Lautan Pasifik berhubungan dengan bahasa-bahasa di Kepulauan Asia Tenggara, maka istilah yang digunakan bagi menamakan keluarga bahasa itu ialah 'Melayu-Polinesia'. Demikianlah istilah 'Melayu-Polinesia' itu menguasai dunia ilmu pengetahuan untuk lebih satu setengah abad, sehinggalah istilah 'Austronesia' dicipta pada pertengahan abad ke 20. Di Asia Tenggara sendiri, istilah 'Rumpun Melayu' cukup luas digunakan oleh bangsa-bangsa serumpun di luar Indonesia, khasnya di Filipina dan Tanah Melayu. Hanya di

Indonesia, pihak pemerintah dan sarjana Belanda mengeneipkan penggunaan istilah 'Melayu' dalam ertinya yang luas, kecuali dalam lapangan linguistik. Sebaliknya sarjana-sarjana Perancis tetap mempopularkan istilah 'Le Monde Malais' - Dunia Melayu - hinggalah pada akhir dekad 1950-an.

Penggunaan istilah di Malaysia dengan sendirinya mengikut tradisi kolonial Inggeris. Di dalam bahasa Inggeris, ungkapan 'The Malay Archipelago' telah digunakan sejak awal abad ke 19 dan ini diterjemahkan sebagai 'Gugusan Pulau-pulau Melayu' atau 'Kepulauan Melayu'. Dari itu timbullah istilah 'Alam Melayu' yang menjadi judul buku teks sekolah *Ilmu Alam Melayu* dan *Sejarah Alam Melayu* yang mula diterbitkan pada tahun 1925 dan digunakan dengan meluas di maktab perguruan dan di sekolah-sekolah Melayu, hinggalah dekad 1950-an. Agak menarik yang istilah Arab 'Alam' digunakan, dan rantau Melayu yang disoroti di dalam buku-buku itu memang lebih banyak terbatas kepada wilayah Islam, khasnya Tanah Melayu dan Hindia Belanda, manakala negara Filipina hampir tidak tersentuh. Konsep 'Melayu Raya' yang mula timbul di Malaysia dalam dekad 1930-an juga lebih banyak terbatas kepada penyatuan Malaysia-Indonesia. Ini berbeza dengan konsep Melayu Raya (digunakan istilah 'Malaysia') di Filipina yang timbul serentak pada dekad itu yang merangkumi semua negara-negara 'berketurunan Melayu'. Tidak kurang menarik juga, mulai dekad 1960-an, istilah Sanskrit 'Dunia Melayu' makin luas digunakan di Malaysia, menggantikan 'Alam Melayu', dan ini terjadi serentak dengan pengluasan wawasan yang merangkumi wilayah-wilayah yang bukan Islam.

Apabila Jabatan Pengajian Melayu ditubuhkan pada tahun 1953 di Universiti Malaya di Singapura, maka ini ditandai oleh kekaburan maksud yang diwarisi. Di dalam laporan Carr-Saunders yang mencadangkan penubuhan Jabatan itu, ada disebutkan perihal pentingnya bahasa Melayu di Kepulauan sebagai 'one of the world's cultural languages' tetapi tidak disentuh sama sekali akan kerumitan pengkajian sejarah dan kebudayaan serumpun di rantau. Pengajian Melayu pada tahun 1953 itu bagaimanapun didasarkan atas pengalaman Universiti London mengajar bahasa Melayu dan ini hanyalah dengan membaca beberapa teks klasik terpilih, disusuli dengan latihan penterjemahan ke bahasa Inggeris serta bacaan beberapa 'Papers on Malay Subjects' dalam tradisi R.J. Wilkinson. Sorotannya khas kepada Semenanjung Tanah Melayu. Hanya apabila sarjana-sarjana Belanda Dr. P.E. de Josselin de Jong dan Dr. R. Roolvink masuk bertugas di Jabatan Pengajian Melayu, maka wawasan pengajian meluas kepada etnografi, folklore, sastera tradisi dan moden Indonesia, malah juga kepada masalah keluarga bahasa-bahasa Melayu-Polinesia. Tetapi untuk mempertahankan serta memperkembangkan lapangan perhatian yang seluas itu pada tahap ijazah dasar, ini tentulah amat sulit, tidak akan mungkin mendapat ruang masa yang mencukupi, dan tidak mungkin diperolehi sarjana-sarjana yang berwibawa dan sesuai. Apalagi pengajian ijazah dasar harus disorotkan kepada penguasaan disiplin ilmu, bukannya sekadar data-data kebudayaan. Dengan yang demikian kurikulum Pengajian Melayu dari sejak zaman awalnya tetap berputar di sekitar masalah di Malaysia, dengan sedikit bandingan dalam konteks Nusantara dari segi bahasa, sastera dan etnologi. Sebelum dekad 80-an sastera Indonesia moden mendapat perhatian yang agak luas di Malaysia, di dalam bilik kuliah, mahupun di luar - tetapi kemudiannya ini merosot

lantaran desakan nasionalisme setempat. Memang di dalam kurikulum beberapa jabatan sekarang ini masih tercatat kursus sastera Indonesia, malah juga sastera Asia Tenggara yang lebih luas, tetapi perhatian yang diberikan sebenarnya terbatas dan terpendil serta tanpa keghairahan. Minat yang serius terhadap lapangan dari kalangan generasi baru nampaknya cukup minimal, ditandai oleh kekurangan bakat dan tiadanya suasana. Demikianlah sulitnya dalam membina satu gambaran dan pengertian yang ideal tentang dunia dan tamadun Melayu di Malaysia sekarang.

Cita-cita asasi daripada 'Pengajian Melayu' tentulah untuk membina pengertian dasar akan sejarah dan kebudayaan Melayu yang luas: akan kesatuan zaman pra-sejarah; akan pelayaran nenek moyang mengharungi Lautan Pasifik serta India dan akan kesatuan serta keragaman kebudayaan kepulauan yang timbul selepasnya; akan naik turunnya kerajaan dan kebudayaan serumpun di Kepulauan dan benua Asia Tenggara akan tumbuhnya bahasa Melayu sebagai bahasa kesatuan di Asia Tenggara dan akan keragaman sastera-sastera berbahasa Melayu yang muncul pada zaman lampau dan zaman sekarang. Panorama sejarah yang penuh ragam dan warna ini tentulah membingungkan, dan 'pengajian Melayu' dimaksudkan untuk menerangi jalan dalam simpang-siur hutan rimba itu, agar kita dapat menginsafi warisan dalam membina bangsa dan kebudayaan baru. Dari segi ini, apabila dinilai akan pencapaian hampir empat dekad pengajaran 'pengajian Melayu' di universiti kita, maka kita sangsi akan kejayaannya dalam membina gambaran dan pengertian yang luas itu. Memang sejarah yang dialami oleh rumpun Melayu itu terlalu kompleks dan tersebar, dan kita tidaklah boleh mengharapakan pengertian yang pantas daripada generasi muda, apalagi dengan

kekurangan bahan dan kepakaran. Tetapi ketara juga, untuk memahami aspek perkembangan bahasa Melayu yang satu dan yang amat dasar itupun sudah cukup rumit. Kebanyakan lulusan Pengajian Melayu saya kesani tidak dapat menangkap akan ertinya kesatuan dan keragaman bahasa dan sastera Melayu di Nusantara - mereka kerap kali terkurung di dalam batasan bahasa dan sastera kebangsaan, dan dilihatnya dialek dan sastera Melayu yang lain di rantau hanya sebagai variasi yang tidak begitu banyak membawa hubungan dan erti.

Di atas kesulitan latarbelakang yang seperti ini, maka agak menarik mulai pertengahan dekad 70-an timbul usaha-usaha di luar kampus, untuk memperluaskan pengertian tentang Dunia Melayu. Ini dimulakan dengan inisiatif pihak GAPENA melakukan hubungan dan kegiatan yang cukup baik dengan kelompok budayawan rumpun Melayu yang lebih luas - terutama melalui siri Pertemuan Dunia Melayunya. Pada tahun 1986 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia sendiri menyelenggarakan siri Persidangan Tamadun Melayu, dan dari gerak itu timbul gagasan bagi penubuhan satu persatuan antarabangsa bagi tamadun Melayu serta juga sebuah muzium etnografi Melayu dengan skopnya yang global. Serentak dengan itu Dewan Bahasa dan Pustaka melancarkan projeknya menyediakan Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Semua usaha ini dapat dilihat sebagai pengembangan minat kelas menengah Melayu yang baru dalam mencari dan memperkuat identiti. Gerak dari luar-kampus ini tentu pula akan merangsangkan usaha-usaha akademik yang telah berlangsung sekian lama, tetapi kadang-kala mengalami jalan buntu. Tetapi gerak ini juga menggaris-bawahkan kegesaan akan penjelasan serta perincian istilah 'Melayu' dan

'Tamaddun Melayu' itu sendiri bagi keperluan Malaysia dan masyarakat antarabangsa.

Apabila pemimpin politik dan kebudayaan Melayu menggunakan istilah 'Tamaddun Melayu' mereka kerap kali tidak mendefinisikannya secara khusus. Istilah 'Tamaddun Melayu' itu jelas digunakan sejajar dengan tamadun-tamadun besar di dunia, seperti Tamadun India, Cina dan Islam. Pada hal ketiga tamadun yang disebutkan itu, seperti juga halnya dengan banyak tamadun dunia yang lain, merupakan 'tamaddun benua', sejarahnya berputar di sekitar kota-kota yang punyai tanah dataran yang luas. Semua tamadun itu, ditandai oleh satu macam 'permanency', satu macam keabadian - yakni di dalam sejarahnya ada kesempatan untuk bertapak dengan agak lama pada satu-satu pusat bagi membina filsafat yang mendalam dan kesenian yang tinggi. Pada hal apa yang diistilahkan 'Tamaddun Melayu' itu merupakan rangkuman sejarah kebudayaan ribuan pulau-pulau yang tersebar di dua lautan yang luasnya meliputi sesuku muka bumi. Dan lantaran luasannya, wilayah tamadun itu tidak pernah mengalami satu kesatuan pemerintahan yang total di dalam seluruh sejarahnya. 'Tamaddun Melayu' itu adalah 'tamaddun kepulauan', ini kerap kali ditandai oleh 'kesementaraan', oleh pusat-pusat pemerintahan dan kebudayaan yang timbul tenggelam dan berpindah randah, dengan yang demikian tidak memungkinkan pengembangan dan pemantapan tradisi setempat yang kekal berakar. Dan dari wilayah yang amat luas itu, hanya sebahagian kecil yang mengalami perkembangan kebudayaan yang tinggi, iaitu di Kepulauan Asia Tenggara - dan ini termasuk Tanah Melayu yang merangkumi Segenting Kra, juga daerah Campa Kuno di benua. Sebaliknya di puluhan ribu pulau di samudera luas, tidak ketara perkembangan

kebudayaan yang tinggi, dari segi teknologi dan kesusasteraan misalnya, yang dapat melampaui batas-batas daerahnya yang kecil, dan kenyataan ini tentulah tanpa memperendahkan gejala-gejala kebudayaan yang cukup memikat yang tumbuh di Madagaskar, Paskah, Hawaii, Tahiti dan Tanah Maori.

Dan di dalam perjalanan sejarah wilayah yang maha luas itu, kerajaan Sri Wijaya dan Majapahit timbul dengan amat gagah sebagai lambang pencapaian dari segi militer, perdagangan dan kebudayaan. Tetapi penyatuan yang sempat dilakukan oleh kedua kerajaan itupun, terlalu kecil apabila dibandingkan dengan wilayah serumpun yang sebenarnya. Dan di dalam panorama sejarah itu juga, Majapahit dan Pulau Jawa pada umumnya, timbul sebagai satu kekecualian, kerana tamadun yang dibinanya lebih banyak menyerupai 'tamaddun kebenuaan', iaitu dengan kemantapan serta kegagahan sistem sosial dan keseniannya. Dengan yang demikian juga, agak janggal untuk mengambil kebudayaan dari Pulau Jawa sebagai kemuncak atau sebagai lambang daripada wilayah Melayu-Polinesia yang lain, yang semuanya merupakan kebudayaan pesisiran. Dan tidak kurang menariknya Dunia Melayu yang penuh dengan ragam dan warna itu di dalam sejarahnya selalu disatukan oleh gelombang-gelombang agama dari luar, demikianlah agama Hindu dan agama Islam memberi dinamik yang luar biasa dalam menyatukan wilayah, dan di dalam membina tamadun-tamadun yang tersendiri, yang monumental. Malah dapat dikatakan 'Tamaddun Melayu' yang paling nyata ialah tamadun yang berdasarkan agama ini, iaitu Tamadun Melayu-Hindia dan Tamadun Melayu-Islam. Ini juga dengan mengambil kira akan kebudayaan Melayu-Kristian yang berkembang di Filipina dan di beberapa bahagian Indonesia dan Malaysia. Tamadun Melayu yang

berlandaskan agama ini bukan sahaja dapat mengatasi batasan suku dan pulau, tetapi juga dapat merangkumi rumpun-rumpun bangsa yang lain dalam satu kesatuan. Yang paling menarik dari segi ini, ialah tamadun Hindu di Asia Tenggara pada abad pertengahan yang menggabungkan rumpun bangsa Melayu dengan rumpun-rumpun bangsa lain di benua Asia Tenggara, dan membina satu kesatuan kebudayaan yang hebat dan nikmat. Jadi apa yang diistilahkan sebagai 'Tamaddun Melayu', ataupun yang lebih sesuai lagi 'Tamadun Besar Melayu', ini tentulah merangkumi semua tamadun serta kebudayaan ataupun tradisi yang telah berkembang di wilayah Melayu-Polinesia sepanjang sejarahnya. Dan ini tentulah merupakan satu keragaman yang luar biasa. Apabila pihak Dewan Bahasa dan Pustaka melancarkan projek Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu pada tahun 1988, dan apabila pihak Kementerian Kebudayaan sekarang merancang untuk membina Muzium Etnologi Dunia Melayu-Polinesia, mereka tentulah ingin memancarkan keragaman Tamadun Melayu itu sebagai satu kesatuan.

Saya tidak punyai masa untuk melanjutkan perbincangan tentang dunia kita yang amat menarik itu. Biarlah saya akhiri ucapan ini dengan rakaman tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (dulunya Kementerian, Belia dan Sukan) atas segala usaha-usahanya pada masa lampau dalam mengembangkan serta memperkuatkan gagasan Dunia Melayu sebagai landasan pembinaan Kebudayaan Kebangsaan kita, serta atas kerjasama yang bersejarah dengan EFEO-Paris ini. Harapan saya yang amat besar ialah Kementerian akan terus memberikan dorongan dan sokongan terhadap pembinaan gagasan dan wawasan yang besar itu, walaupun dengan cara-cara yang lain. Saya maksudkan di sini

terutamanya akan kelanjutan siri Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu yang telah dua kali diselenggarakan. Dan pembinaan Muzium Etnologi Dunia Melayu-Polinesia yang sedang dikonsepsikan sekarang, haruslah yang sebesar dan sebaik mungkin - kerana ini akhir-akhirnya akan menjadi sesuatu yang unik di dunia.

**L'ECOLE FRANÇAISE D'EXTREME-ORIENT : SON PASSE, SON
PRESENT, SON AVENIR**

par

Professeur L. Vandermeersch

Directeur de l'EFEO

L' Ecole Française d'Extrême-Orient a été fondée en 1898, sous le nom de Mission archéologique française d'Indochine (c'est en 1901 que la Mission archéologique sera redénommée Ecole française d'Extrême-Orient , - en abrégé EFEO). Cette fondation marque un tournant dans l'histoire de l'orientalisme français, qui jusque là ne traitait les objets de ses recherches que comme des matières d'érudition livresque. Au XIXe siècle, les orientalistes rivalisent d'émulation dans l'étude des documents ramenés d'Asie par les missionnaires ou par des marchands amateurs de curiosités; mais ni Chézy, ni Bournouf, ni Bergaigne, pour les études indiennes, ni Rémusat, ni Julien, ni Biot, pour les études chinoises, si remarquable que soit le tour de force que représentent les impeccables lectures qu'ils font des textes sanscrits ou chinois qu'ils traduisent sans sortir de leurs bibliothèques parisiennes, ne sont effleurés par l'idée qu'ils pourraient se rendre sur le terrain même des cultures qu'ils étudient. Au contraire, avec l'EFEO, désormais c'est en Asie même que les chercheurs iront étudier les cultures asiatiques.

Institution coloniale basée à Hanoi à partir de 1901 (après une courte installation provisoire à Saigon de deux ans), l'Ecole a développé de multiples recherches en archéologie, en histoire, en philologie, en

linguistique, dans les études vietnamiennes, laotiennes et cambodgiennes ainsi que dans les études indiennes, chinoises et japonaises. La masse cumulée de ces travaux forme aujourd'hui quelque 300 gros volumes de grand format, dont une centaine est constituée par la série des tomes du bulletin, - le BEFEO . Mais l'école s'est aussi beaucoup employée à œuvrer à la conservation des monuments historiques, dont la responsabilité entière lui fut confiée dans l'ensemble des trois pays de l'ancienne colonie, - Vietnam, Cambodge, Laos. C'est ainsi qu'elle a fondé les musées historiques de Hanoi et de Saigon, le musée Cham de Nhatrang, le musée des antiquités khmères de Phnom-Penh. C'est ainsi également qu'elle a ouvert de nombreux chantiers dans les trois pays indochinois, dont le plus important a été celui de la conservation des célèbres temples d'Angkor. Les temples sont éparpillés sur une surface d'environ 25 km de long sur 15 km de large, - 37.500 ha d'une forêt originellement inextricable et malsaine, que l'école a transformée en parc. Les chantiers d'Angkor, ouverts par l'école au début du siècle, - lorsque Siem-Reap était encore une province thaïlandaise - , sont restés sous son entière responsabilité de 1907, date de la rétrocession de Siem-Reap au Cambodge, à 1972, date de l'occupation de Siem-Reap par les Khmers rouges. Mais la participation cambodgienne à la tâche de conservation a été très importante: à l'époque du dernier conservateur, Bernard Philippe Grodier, l'état Cambodgien prenait en charge plus de 50% du budget de la conservation. Et sous ce rapport, je voudrais insister sur l'un des traits les plus caractéristiques de la tradition de l'EFEO: tous les travaux de celle-ci ont toujours été conduit partout, que ce soit au Cambodge, au Laos ou au Vietnam, en très étroite collaboration avec les autorités et les chercheurs du pays. beaucoup d'articles du BEFEO sont signés de noms vietnamiens, cambodgiens ou Laotiens.

Quand en 1949 l'Indochine orientale a cessé d'être une colonie, l'EFEO est devenue pour un temps, - jusqu'en 1955 - , une institution quadripartite: franco-lao-khmero-vietnamienne. Puis les pays indochinois se sont retirés de l'Union française, et l'EFEO a retransféré successivement au Vietnam, au Laos et au Cambodge la totalité de son patrimoine en Indochine. J'en parle en connaissance de cause puisqu'il s'est trouvé que, responsable moi-même du centre de Hanoi en 1957, j'ai personnellement procédé au transfert aux autorités Vietnamiennes de l'ensemble des immeubles et des collections de l'Ecole au Nord-Vietnam. L'administration centrale de l'Ecole a été alors transférée à Paris, et son budget rattaché au Ministère de l'Education nationale. A l'heure actuelle, ce budget se chiffre à environ 25 millions de francs, couvert à 90% par des subventions de ce ministère, et pour le reste par d'autres organismes publics français, principalement par l'agence de la coopération scientifique internationale du Ministère des Affaires étrangères.

Mais ce qui caractérise l'EFEO est que ses chercheurs, - actuellement au nombre d'une trentaine - , continuent de travailler normalement sur le terrain de leurs recherches, en Asie. Les vicissitudes de la conjoncture politique en Indochine ont contraint les membres de l'école à quitter le Vietnam en 1959, le Laos en 1966, le Cambodge en 1975. Mais de nouveaux centres ont été établis dans le même temps en Indonésie (à Jakarta), en Inde (à Pondichéry), en Thaïlande (à Chiang-Mai), au Japon (à Kyôto). Les activités de recherche de l'EFEO se poursuivent aussi dans d'autres pays d'extrême-orient, - Chine, Birmanie, Népal par exemple - , à la faveur de missions plus ou moins longues effectuées par les chercheurs en accord avec les autorités

nationales. C'est ainsi que le Dr. Po Dharma a entrepris il y a cinq ans, à Kuala-Lumpur, de très fructueux travaux en coopération avec les autorités malaisiennes. Et voici que tout récemment l'école a été sollicitée de reprendre ses activités scientifiques dans les pays indochinois. En 1990 elle a réinstallé un petit centre à Phnom-Penh, en 1991 elle a délégué un de ses chercheurs à Hanoi, et actuellement elle est en train de reconstruire à Siem-Reap sur un terrain que lui ont restitué les autorités Cambodgienne, une antenne d'assistance technique à la conservation des temples d'Angkor.

Permettez-moi maintenant de vous présenter rapidement les programmes de recherche en cours.

1. Etudes Indiennes.

Sept chercheurs travaillent dans ce domaine, avec l'aide d'une douzaine de savants Indiens qui font partie du personnel scientifique de l'école à Pondichéry.

En Indologie, c'est-à-dire dans les études philologiques et linguistiques portant sur la littérature classique indienne, les études portent sur divers aspects des traditions sanscrites, pâli, postsanscrite et médiévale, et tamoule. En particulier, depuis 40 ans l'école a collecté un remarquable ensemble de manuscrits représentatifs des traditions d'agama çivaïtes et vichnouïtes du sud de l'Inde. Cette collection, de quelque 8000 pièces, conservée à Pondichéry, est en cours de catalogage avec l'aide de l'UNESCO. Certaines des pièces les plus importantes ont été traduites; d'autres sont en voie de l'être. D'autres travaux portent sur l'archéologie, l'histoire de l'art et l'histoire de la civilisation matérielle et des techniques de l'Inde et du monde hindouisé. Par exemple, en coopération avec les services archéologiques de Myanmar et également

avec le soutien de l'UNESCO, vient d'être achevé l'inventaire complet des quelques 2.300 temples de Pagan, après 6 ans de travail. Cet inventaire va être publié en 9 grands volumes illustrés, dont le premier doit paraître à la fin de cette année.

2. Etudes Chinoises.

Cinq chercheurs travaillent dans ce domaine. Deux d'entre eux contribuent aux études sur les manuscrits de Dunhuang conservés à la Bibliothèque nationale de Paris (ces manuscrits, ramenés par P. Pelliot en 1907, se montent à une dizaine de milliers, en chinois pour la plupart, mais aussi en tibétain, ouïgour, sogdien etc., et, datés du VI^e au XI^e siècle, proviennent d'un ancien monastère chinois du Gansu détruit lors d'une invasion tibétaine). Deux autres étudient la littérature et les pratiques taoïstes, faisant de fréquentes missions en Chine ou résidant à Taiwan, à l'Academia sinica, avec laquelle l'EFEO vient de signer un accord. Un cinquième chercheur, actuellement professeur invité à l'Université Chinoise de Hong-Kong, travaille sur l'histoire des idées et des sciences chinoises à l'époque ancienne et au moyen-âge.

3. Etudes Japonaises.

Le principal travail de l'Ecole est ici la poursuite de la compilation d'une vaste encyclopédie du bouddhisme sino-japonais, intitulée Hôhôgirin, commencée en 1925, interrompue à la suite de la 2^e guerre mondiale, reprise ultérieurement, et dont les 7^e et 8^e volumes doivent être publiés sous peu, avec le soutien de l'Académie des inscriptions et Belles Lettres de l'Institut de France.

4. Etudes Vietnamiennes.

Traditionnellement, l'EFEO poursuit des études de philologie, d'histoire et de linguistique vietnamiennes. Actuellement, en coopération non seulement avec le Centre national des sciences sociales de Hanoi, mais aussi avec des chercheurs chinois, l'Ecole a un programme d'édition de textes littéraires et historiques du XIXe siècle écrits en caractères chinois, et d'édition de documents épigraphiques anciens (du XIe au XIXe siècle). Un grand catalogue de l'ensemble des ouvrages sino-vietnamiens conservés à Paris et à Hanoi, réalisé en coopération par les chercheurs des deux pays, est sur le point de sortir des presses. Il comporte 4 volumes de quelque mille pages chacun.

5. Etudes Thai-Khmères.

A Chiang-Mai et à Phnom-penh, les chercheurs de l'Ecole travaillent principalement sur les traditions du bouddhisme du Petit-Véhicule. L'une de leurs tâches prioritaires est de sauver les manuscrits menacés de perte. Ils en font la collecte, les restaurent, les microfilment, puis les remettent en place dans les lieux d'origine, tout en préparant l'édition et la traduction. A Phanom-van, en Thaïlande, l'Ecole dirige un chantier de restauration d'un ancien monument Khmer, à la demande des autorités thaïlandaises. Et surtout à Angkor, en liaison avec l'UNESCO et avec les autorités cambodgiennes, l'Ecole poursuit un important travail de préparation à la reprise de nouveaux chantiers de conservation, en dehors de celui auquel travaillent déjà les Indiens. Cette préparation s'effectue aussi à Paris par la remise en ordre et la saisie informatique de tous les doubles de la documentation écrite, graphique et photographique dont les originaux, laissés au Cambodge, ont été saccagés et perdus entre 1975 et 1980. Cette documentation comporte environ 15.000 pages de rapports et journaux de fouille, 3.000

cartes et plans, 50.000 photographies. Au fur et à mesure qu'elle est traitée, elle est mise à la disposition des chercheurs non seulement cambodgiens, mais aussi bien de quelque nationalité qu'ils soient, du moment qu'ils participent aux programmes définis par l'UNESCO.

5. Etudes Malaises et Indonésiennes

En littérature, se poursuivent des traductions de nouvelles malaises et d'une histoire malaise du théâtre d'ombre. En histoire, des recherches sur l'ancienne Surabaya ainsi que sur la tradition du culte des saints musulmans et de la circulation du savoir islamique. En philologie, vient d'être achevé le catalogue des manuscrits soundanais de Java-Ouest, en cours d'impression par les soins du service archéologique indonésien de Jakarta. En archéologie, trois campagnes de fouilles ont été effectuées dans l'ancien sultanat de Banten, et trois autres à Palembang à la recherche de l'ancienne Sriwijaya.

Ici même, à Kuala-Lumpur, comme vous le savez, le Dr Po Dharma travaille à un vaste programme d'histoire des relations entre le monde malais et la péninsule indochinoise, particulièrement axé sur les études cham et austronésiennes. Ce programme comporte un important volet lexicographique recouvrant l'élaboration en cours d'un lexique malais-cham (pratiquement achevé), d'un dictionnaire des parlers austronésiens et d'un compendium de la terminologie employée dans les anciennes chroniques royales du Champa.

Pour conclure, que peut-on entrevoir de l'avenir de l'école?

Cet avenir est commandé d'abord par une réorganisation de l'institution, sur la base des nouveaux statuts qui lui ont été donnés en 1989. C'est à cette réorganisation que j'ai personnellement surtout

travaillé depuis ma nomination comme directeur le 1er décembre 1989. Elle se traduit par une restructuration des équipes scientifiques, un important renforcement des équipements informatiques, une rénovation complète des locaux du siège parisien avec l'acquisition d'un entrepôt plus fonctionnel pour le dépôt des publications. L'ardeur et le dynamisme avec lesquels tous les chercheurs de l'Ecole ont appuyé cette réorganisation est du meilleur augure pour le développement futur de l'EFEO. Quand à ce développement lui-même, il est commandé par une priorité rendue aux études indochinoises, quelque peu délaissées depuis trente ans. A celles-ci, l'appui des études malaises est indispensable. C'est pourquoi je suis particulièrement confiant dans l'avenir de la coopération qui a si bien commencée entre l'EFEO et les instituts scientifiques de Malaisie qui ont bien voulu d'elle comme partenaire pour la recherche.

**PUSAT PENYELIDIKAN TIMUR JAUH PERANCIS:
DAHULU, KINI DAN MASA HADAPAN**

oleh

Professor L. Vandermeersch
Ketua Pengarah EFEO

Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (Ecole Française d'Extrême-Orient) atau lebih dikenali dengan nama EFEO telah ditubuhkan pada tahun 1898 dengan nama *Mission archéologique française d'Indochine*. Pada tahun 1901, nama *Mission archéologique* ini telah ditukarkan kepada *Ecole Française d'Extrême-Orient*. Penubuhan ini merupakan satu perkembangan yang besar dalam sejarah Orientalism Perancis kerana sebelum tarikh ini, ia hanya menjalankan penyelidikan yang luas melalui buku-buku. Pada abad ke XIX orang-orang orientalis bersaing menjalankan kajian mereka melalui dokumen-dokumen yang dibawa dari Asia oleh mubaligh-mubaligh atau pedagang-pedagang yang ingin tahu mengenai perkara-perkara baru; tetapi bukan Chézy, atau Bournouf atau Bergaigne bagi kajian mengenai India, dan bukan Rémusat, Julien atau Biot bagi kajian tentang China yang menghasilkan karya yang terkemuka dari teks-teks Sanskrit atau Cina di mana mereka hanya membuat kajian berdasarkan sumber-sumber di perpustakaan di Paris sahaja, bukan di tempat-tempat kebudayaan yang mereka kaji. Sebaliknya, ahli penyelidik dari EFEO ditugaskan secara langsung di Asia untuk menjalankan kajian kebudayaan-kebudayaan rantau tersebut.

Institusi kolonial ini telah ditempatkan di Hanoi sejak tahun 1901 (setelah penempatan sementara EFEO selama dua tahun di Saigon). EFEO telah menjalankan penyelidikan dalam bidang arkeologi, sejarah, filologi, linguistik dan pengajian di Vietnam, Laos, Kemboja, India, Cina dan Jepun. Sehingga kini, kajian ini telah menghasilkan lebih kurang 300 naskah di mana lebih dari 100 naskah diterbitkan dalam bentuk jurnal EFEO (BEFEO) bersiri. EFEO ini juga diberi tugas dan tanggungjawab dalam pemuliharaan candi-candi bersejarah oleh ketiga-tiga buah negara bekas jajahannya iaitu Vietnam, Kemboja dan Laos. Dengan demikian maka lahirlah muzium-muzium sejarah di Hanoi, Saigon, Muzium Cam di Nhatrang dan Muzium Barang-Barang Purba Khmer di Phnom Penh. Terdapat banyak tapak kerja yang telah dibuka di ketiga-tiga buah negara Indochina itu. Yang paling besar ialah untuk pemuliharaan candi/biara Angkor. Candi-candi ini berselerak di kawasan lebih kurang 25 km panjang, 15 km lebar, iaitu 37,000 hektar kawasan berhutan yang telah ditukarkan menjadi taman oleh EFEO tersebut. Tapak-tapak kerja Angkor dibuka oleh EFEO pada awal abad ini (semasa Siem Reap masih lagi sebuah provinsi Siam) terletak di bawah tanggungjawab EFEO dari 1907, iaitu tarikh di mana Siem Reap diserahkan kembali kepada Kemboja, hingga ke 1972 iaitu tarikh di mana Siem Reap jatuh ke tangan Khmer Rouge. Kerjasama Kemboja dalam kerja pemuliharaan adalah besar: pada masa kurator terakhir iaitu Bernard Philip Groslier, Kemboja telah menyumbangkan lebih 50% dari belanjawan untuk projek pemuliharaan. Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menekankan bahawa perkara ini adalah suatu ciri yang telah menjadi satu tradisi EFEO: keseluruhan kerja EFEO di mana sahaja, di Kemboja mahupun di Laos atau Vietnam, ia dijalankan dengan kerjasama yang rapat dengan pihak berkuasa

serta ahli penyelidik tempatan, dan terdapat banyak makalah dalam BEFEO yang ditulis oleh orang Vietnam, Kemboja atau Laos.

Pada 1949, Indochina Timur tidak lagi menjadi koloni Perancis, sehingga tahun 1955 EFEO menjadi suatu institusi yang terdiri dari empat parti iaitu Perancis, Laos, Kemboja dan Vietnam. Setelah negeri-negeri Indochina menarik diri dari Persatuan Perancis, EFEO menyerahkan seluruh hartanya di Indochina kepada Vietnam, Laos dan Kemboja. Saya berkata demikian kerana saya sebagai wakil EFEO di Hanoi pada 1957, terlibat secara langsung dalam hal ini. Sayalah yang memulakan tugas penyerahan bangunan-bangunan serta koleksi EFEO di Vietnam Utara kepada pihak berkuasa Vietnam. Pentadbiran EFEO Pusat telah dipindahkan ke Paris dan sumber kewangan di bawah Kementerian Pendidikan Nasional. Pada masa ini belanjawan adalah lebih kurang 25 juta Franc, 90% daripadanya ialah bantuan daripada kementerian ini, dan bakinya diperolehi dari organisasi-organisasi awam Perancis, khususnya dari Bahagian Kerjasama Sains Antarabangsa, Kementerian Luar Negeri.

Salah satu ciri EFEO yang unggul ialah ahli-ahli penyelidiknya (buat masa ini mempunyai lebih kurang 30 orang ahli penyelidik) telah meneruskan kajian mereka di tempat-tempat penyelidikan mereka di Asia. Perubahan situasi politik di Indochina telah memaksa ahlinya meninggalkan Vietnam pada 1959; Laos pada 1966; dan Kemboja pada 1975. Walau bagaimanapun cawangan-cawangan EFEO yang baru, telah dibuka pada masa yang sama di Indonesia (Jakarta), India (Pondichery), Thailand (Chiang Mai) dan Jepun (Kyoto). Aktiviti-aktiviti penyelidikan EFEO masih juga diteruskan di negeri-negeri lain di Timur Jauh, contohnya di China, Burma dan Nepal dalam konteks

missi-missi jangka masa pendek atau panjang oleh ahli penyelidik dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan. Begitu juga dengan Dr Po Dharma yang telah berhasil menjalankan penyelidikannya di Kuala Lumpur sejak lima tahun lalu dengan kerjasama dari pihak berkuasa Malaysia. Baru-baru ini EFEO telah diminta untuk memulakan aktiviti-aktivitinya di negeri-negeri Indochina. Pada tahun 1990 ia telah menubuhkan semula cawangan kecil di Phnom Penh dan pada 1991 ia telah menghantar seorang penyelidiknya ke Hanoi. Kini EFEO sedang mendirikan sebuah tempat bantuan teknik bagi urusan pemuliharaan Angkor di Siam Reap iaitu di atas tapak tanah yang diberikan oleh kerajaan Kemboja.

Izinkan saya memberitahu tuan-tuan dan puan-puan secara ringkas rancangan-rancangan penyelidikan yang sedang dijalankan sekarang.

1. Kajian mengenai India.

Tujuh orang ahli penyelidik bergiat dalam kajian ini bersama dengan beberapa orang pakar India yang merupakan seorang pegawai sains EFEO di Pondichery.

Dalam bidang indologi, iaitu kajian mengenai filologi dan linguistik kesusasteraan India, kajian adalah mengenai pelbagai aspek tradisi Sanskrit, ali, pos-sanskrit, medieval dan Tamil. Sejak 40 tahun dahulu, EFEO telah berjaya mengumpulkan sejumlah besar manuskrip mengenai tradisi agama Siva dan Visnu dari selatan India. Koleksi ini, lebih kurang 8000 karya yang disimpan di Pondichery sedang diterbitkan dalam bentuk katalog dengan bantuan UNESCO. Sebahagian daripada karya yang penting telah diterjemahkan dan sebahagian lagi sedang diterjemahkan. Kajian mengenai arkeologi,

sejarah kesenian dan sejarah tamadun kebendaan dan teknik di India dan dunia yang berpengaruh India juga dijalankan. Contohnya, dengan kerjasama biro arkeologi Burma serta bantuan UNESCO, lebih kurang 2300 candi di Pagan telah diinventorikan setelah 6 tahun usaha tersebut dijalankan. Pengumpulan sumber tersebut akan dicetak dalam 9 naskah bergambar. Naskah pertama akan diterbitkan pada penghujung tahun ini.

2. Kajian mengenai China.

Lima orang penyelidik telah menjalankan kajian dalam bidang ini. Dua daripada mereka membuat kajian berdasarkan manuskrip-manuskrip dari Dunhuan yang tersimpan di Bibliothèque Nationale de Paris (Perpustakaan Nasional di Paris); Manuskrip-manuskrip ini dibawa oleh P. Pelliot pada 1907, yang berusia beribu-ribu tahun, kebanyakannya dalam bahasa Cina, dan juga dalam bahasa Tibet, Ouigour, Sogdien dan sebagainya yang bertarikh pada abad ke VI hingga ke IX, dari sebuah kuil Cina tua di Gansu yang telah dimusnahkan semasa pencerobohan orang Tibet. Manakala dua orang lagi mengkaji kesusasteraan serta amalan Taois. Mereka telah banyak kali pergi ke China ataupun tinggal di Taiwan, di *Akademica Sinica*, dan dari usaha merekalah maka EFEO dapat mengadakan perjanjian bagi menjalankan penyelidikan. Penyelidik yang kelima, sekarang ini merupakan seorang profesor jemputan di Universiti China di Hong Kong, menjalankan kajian tentang sejarah pemikiran dan sains Cina pada zaman lampau dan zaman pertengahan.

3. Kajian mengenai Jepun.

Kerja utama EFEO di sini adalah untuk menyusun sebuah ensaiklopedia Budisme Sino-Jepun yang besar, bernama *Hôgôran*. Kerjanya telah bermula pada tahun 1925, terputus pada Perang Dunia ke II, dan disambung semula setelah Perang Dunia II tamat. Jilid ke 8 dan ke 9 akan diterbitkan tidak lama lagi, dengan kerjasama Akadémie des Inscriptions et Belles Lettres di Institut de France.

4. Kajian mengenai Vietnam.

Secara tradisi, EFEO menjalankan kajian mengenai filologi, sejarah dan linguistik Vietnam. Sekarang ini, dengan kerjasama bukan sahaja dari Pusat Sains Kemasyarakatan Nasional di Hanoi, tetapi juga dengan ahli penyelidik Cina, EFEO mempunyai satu rancangan untuk menerbitkan teks-teks sastera dan sejarah abad ke XIX yang tertulis dalam huruf Cina, serta menerbitkan dokumen-dokumen epigrafi lama (dari abad ke XI hingga ke XIX). Sebuah katalog bagi keseluruhan terbitan Sino-Vietnam yang tersimpan di Paris dan di Hanoi akan diterbitkan dengan kerjasama ahli-ahli penyelidik dari kedua-dua buah negara tersebut yang sedang dalam proses percetakan. Ianya terdapat 4 naskah, tiap-tiap naskah mengandungi lebih dari 1000 halaman.

5. Kajian mengenai Thai-Khmer.

Di Chiang Mai dan Phnom Penh, ahli-ahli penyelidik EFEO membuat kajian khususnya mengenai tradisi Budisme Theravada. Satu daripada tugas-tugas utama mereka ialah untuk menyelamatkan

manuskrip-manuskrip yang kini diancam oleh kemusnahan. Mereka mengumpul, memulihkan, memikrofilemkan dan menyimpan semua bahan-bahan tersebut di tempat asalnya untuk diterjemahkan dan diterbitkan. Di Phanom Van, di Negeri Thai, EFEO telah menubuhkan sebuah pusat pemulihan candi Khmer, hasil daripada permintaan pihak berkuasa Thai. Di Angkor, khususnya dengan kerjasama UNESCO serta pihak berkuasa Kemboja, EFEO menjalankan satu kerja yang penting dalam persediaan membuka semula tapak kerja untuk pemuliharaan Angkor, selain daripada yang telah dilakukan oleh orang India. Persediaan ini berjalan serentak di Paris dengan menyusun dan memasukkan ke dalam komputer, dokumen-dokumen bertulis, grafik, dan gambar di mana dokumen asli yang tersimpan di Kemboja telah dimusnahkan atau hilang antara 1975 dan 1980. Dokumen ini mengandungi 15,000 halaman laporan dan jurnal carigali, 3,000 peta, 50,000 gambar foto. Dokumen-dokumen yang telah disusun disediakan bukan hanya sekadar kepada orang Kemboja tetapi kepada sesiapa sahaja yang membuat penyelidikan sekitarnya mereka berkerja dalam rancangan yang takrifkan oleh UNESCO.

6. Kajian Melayu dan Indonesia

Dalam bidang sastera, EFEO menterjemahkan cerpen Melayu dan sebuah kisah wayang kulit Melayu. Dalam bidang sejarah, penyelidikan mengenai Surabaya lama, wali-wali Islam dan penyebaran ajaran Islam sedang dijalankan. Dalam bidang filologi, sebuah katalog manuskrip Sunda di Jawa Barat telah disiapkan dan sedang diterbitkan oleh biro arkeologi Indonesia di Jakarta. Dalam bidang arkeologi, tiga buah projek carigali telah dijalankan di Sultan

Banten Lama, dan tiga lagi di Palembang dalam pengkajian Srivijaya lama.

Di sini, iaitu di Kuala Lumpur, seperti yang Y.B. dan Tuan-tuan ketahui, Dr. Po Dharma menjalankan satu kajian yang luas tentang hubungan dunia Melayu dan Semenanjung Indochina, khususnya pengajian mengenai kajian Campa dan Astronesia. Rancangan ini mengandungi bahagian leksikografi yang terlibat leksik Melayu-Cam (hampir selesai), kamus pertuturan bahasa Austronesia di Campa serta penyusunan istilah Melayu yang digunakan dalam kronika diraja Campa lama.

Sebagai mengakhiri, kita lihat apakah masa hadapan EFEO ?

Masa hadapannya adalah terkandung dalam penyusunan semula institusi ini, berasas kepada status baru yang diberi kepadanya pada tahun 1989. Penyusunan semula inilah yang saya sendiri terlibat sejak dilantik sebagai Pengarah pada 1 Disember 1989. Ia merupakan satu struktur baru kumpulan kerja, penekanan atas alat-alat komputer, satu renovasi EFEO di Paris dengan mendapat sebuah depo yang lebih praktik untuk penerbitannya. Keghairahan dan usaha dinamis yang diberi oleh ahli-ahli penyelidik EFEO menjadikan penyusunan semula adalah sangat baik untuk kemajuan masa hadapan EFEO. Mengenai kemajuan ini, ia mengutamakan kajian mengenai Indochina yang telah dibiarkan sejak lebih kurang 30 tahun dahulu. Kajian ini boleh menjadi suatu kenyataan hanya dengan bantuan pengajian Melayu. Oleh sebab itu saya percaya kepada kerjasama yang telah dimulakan dengan baik antara EFEO dan institusi-institusi saintifik Malaysia yang berhasrat supaya EFEO menjadi sekutu dalam bidang penyelidikan.